

Kita tak akan berunding dengan kesatuan sekerja yang mengugut

— Mahathir

KUALA LUMPUR 29 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan beliau tidak sekali-kali akan berunding dengan pemimpin kesatuan sekerja yang mengugutnya "dengan menghalakan pistol ke kepala saya..."

"Saya agak sukar berjumpa dengan pemimpin CUEPACS yang mengugut saya. Mengugut ke-

rajaan.

"Bahkan pada 1 Oktober ini mereka akan memulakan piket untuk menuntut kenaikan gaji. Dapatkah saya menemui orang yang memegang pistol yang menghala ke kepala saya?" Tanya Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO semasa menggulung perbincangan di Perhimpunan Agung UMNO yang berakhir hari ini.

Pendirian tegas beliau mengenai tuntutan CUEPACS dan Majlis Bersama Kebangsaan (NJC) yang mengugut tidak akan mengundi Barisan Nasional dalam pilihanraya akan datang sekiranya kerajaan tidak meluluskan kenaikan gaji 800,000 kakitangan kerajaan mendapat tepukan gemuruh 1,434 perwakilan yang menghadiri perhimpunan agung itu.

Perdana Menteri juga mendapat sokongan perwakilan apabila beliau mengulangi pendirian kerajaan tidak akan berganjak daripada keputusan tidak akan memberikan kenaikan gaji kakitangan kerajaan buat masa ini.

"Mereka mengancam untuk mogok dan tidak menyokong kerajaan. Tak sokong kerajaan tak apalah, saya fikir orang lain seperti nelayan umpamanya tentu menyokong kita," ujar beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan CUEPACS supaya jangan mengugut kerajaan kerana jika terus berbuat demikian "kita terpaksa mempertahankan diri" dan ini dibuat secara ikhlas bagi menjaga kepentingan rakyat.

"Orang ini (pemimpin CUEPACS) memegang pistol yang menghala ke kepala saya, dan dengan cara itu hendak berunding dengan saya.

Kita tak akan runding dengan kesatuan

"Kalau UMNO runding dengan kerajaan yang bu-

hendaklah membelakangkan segala ugutan," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir sambil menjelaskan kerajaan bukannya orang yang tidak bertimbang rasa dan tidak sedar tentang masalah kakitangan kerajaan terutamanya mereka yang bergaji rendah.

Perdana Menteri mengulangi tanggungjawab kerajaan ialah kepada rakyat termasuk kakitangan kerajaan, lebih-lebih lagi kepada nelayan, petani, pekebun kecil dan peniaga kecil.

Katanya, nelayan yang tidak tentu pendapatannya terutama dalam musim tengkujuh dan mereka yang lain yang hidup kais pagi, makan pagi, kais petang makan petang oleh kerana pendapatan yang tidak menentu lebih perlu mendapat pertolongan daripada kerajaan.

Beliau menanyakan sama ada adil memberikan gaji lebih kepada kaki-

tan kerajaan yang bukannya sahaja mendapat gaji tetap setiap bulan, mendapat elaun perjalanan jika keluar menjalankan tugas dan juga pencen seumur hidup yang diterima bukan sahaja oleh mereka, tetapi juga isteri dan anak-anak jika mereka meninggal dunia.

"Kakitangan kerajaan setiap bulan sudah tentu menerima gaji masing-masing tanpa mengira hujan atau tidak. Jika gaji tidak sampai, sekerat hari-pun dah boleh marah.

"Tetapi adakah nelayan, pekebun kecil, petani dan peniaga kecil menerima pencen, elaun perjalanan dan juga SOCSO," tanya beliau dengan pekikan "tidak" oleh para perwakilan.

Oleh demikian, Datuk Sri Dr. Mahathir berpendapat tentu lebih adil memberi keutamaan kepada mereka dengan membela nasib mereka dan tidak terlalu "mem-

beri sangat" kepada kakitangan kerajaan yang mendapat gaji tetap setiap bulan.

Beliau berkata beliau sedih kerana terpaksa mengurangkan subsidi kepada golongan yang tidak bernasib baik itu, tetapi tidaklah menjadi hasrat kerajaan untuk mengurangkan pemberian subsidi kepada mereka semata-mata untuk kakitangan kerajaan.

Beliau tidak menafikan perlunya memberi gaji tinggi kepada kakitangan kerajaan tetapi janganlah kerana hendak memberi gaji berpatutan kepada mereka, kerajaan terpaksa menolak tuntutan daripada orang lain yang nasibnya lebih buruk.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberi jaminan "pe-swastaaan jabatan-jabatan kerajaan juga tidak akan mengurangkan gaji dan segala ganjaran yang diterima oleh kakitangan kerajaan selama ini.